

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BAKTI KEPADA PESAKIT JANTUNG,
PERSATUAN DAN INDIVIDU
Lokasi : RUMAH MALAYSIA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 04-08-1982

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah;

Yang Berbahagia Tetamu-Tetamu Jemputan;

Ibu bapa-Ibu bapa dan Kanak-Kanak;

Ahli-Ahli BAKTI serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Hari ini adalah hari yang amat bahagia bagi BAKTI kerana sekali lagi dapat BAKTI mengadakan Majlis Penyampaian sumbangan BAKTI kepada beberapa orang pesakit jantung juga Persatuan-Persatuan dan individu-individu. Majlis seperti ini diadakan pertama kalinya pada bulan November 1980 di mana sembilan orang pesakit jantung telah menerima bantuan untuk rawatan pembedahan di luar negeri.

2. Semenjak November 1980 hingga kini, BAKTI telah menghulurkan bantuan kepada 34 orang pesakit jantung yang disyorkan oleh pakar-pakar jantung Dr. Nik Zainal dari Hospital Besar, Kuala Lumpur dan Dr. Kamaruddin Ahmad dari Hospital Universiti, Kuala Lumpur. Sebahagian besar daripada mereka yang selamat dibedah di Philippine Heart Centre, Manila, ada bersama-sama kita hari ini dengan ibu bapa mereka. BAKTI mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana dengan rahmat dan izin Allah subhanahu wataala mereka telah selamat dan pulih semula. Adalah diharapkan bahawa kanak-kanak dan bekas pesakit-pesakit jantung ini dapat hidup selesa tanpa apa-apa gangguan kepada perkembangan dan pertumbuhan fizikal dan mental mereka, insya Allah.

3. Pada hari ini juga, BAKTI menyampaikan bantuan kepada tiga orang lagi pesakit jantung yang akan berlepas ke Philippine Heart Centre, Manila. Kira-kira sembilan orang atau lebih sedang menunggu.

4. BAKTI dapat menyumbangkan bantuan-bantuan kecil ini kerana pada tahun 1980 BAKTI telah dapat mengutip derma melalui Walkathon BAKTI 1980 di mana semua Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri serta keluarga-keluarga mereka mengambil bahagian.

5. Calon-calun pesakit jantung yang mendapat bantuan dipilih melalui kerjasama Hospital Besar dan Hospital Universiti, Kuala Lumpur. Bagi pihak BAKTI, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Nik Zainal dan Dr. Kamaruddin kerana kerjasama kuat mereka dan juga di atas segala bantuan dan panduan yang diberikan kepada BAKTI dalam memproses pemilihan dan pemergian calon-calon ke pusat-pusat rawatan di luar negeri untuk rawatan pembedahan.

6. Kita ketahui pada masa ini, Hospital Besar, Kuala Lumpur dan juga Hospital Universiti menjalankan pembedahan jantung di tempat masing-masing. Inilah harapan kita di Malaysia bagi pesakit-pesakit

jantung. Tetapi pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan pembedahan segera ataupun kes-kes yang sukar dijalankan di Kuala Lumpur perlu juga dihantar ke luar negeri.

7. BAKTI ingin juga mengucapkan penghargaan kepada Dr. Nik Zainal kerana beliau telah dapat mengatitkan janji dengan PHC, Manila, supaya belanja seseorang pesakit jantung dari sini dapat dikurangkan oleh pakar-pakar jantung di sana.

Saya diberi tahu bahawa setiap pembedahan memerlukan pembiayaan \$12,000/ -- \$15,000/- termasuk belanja pemeriksaan kajian, kajian pembedahan dan tempat tinggal dan makan di Hospital. Oleh kerana ramai pesakit-pesakit jantung yang dihantar, PHC dapat mengendalikan banyak bayaran-bayaran yang perlu, hingga pembiayaannya turun ke \$5,000/- sahaja. Bayaran seperti ini diketahui tidak didapati di mana-mana negara lain. Atas usaha-usaha Dr. Nik Zainal dan jasa dan pertimbangan yang diberi oleh PHC, Manila, saya fikir bukan sahaja BAKTI perlu menghargai usaha-usaha dan jasa-jasa baik ini tetapi semua ibu bapa- ibu bapa yang telah berpeluang pergi ke PHC dengan anak-anak mereka dan kembali ke tanahair dan kita perlulah juga faham peraturan-peraturan yang telah dibuat. Kita perlu bersyukur bahawa ada pakar-pakar jantung di negara kita yang sanggup mengatitkan pemergian pesakit-pesakit jantung kita ke luar negeri.

8. BAKTI mengambil kesempatan hari ini juga menyampaikan sumbangan dari Tabung Kebajikannya kepada beberapa Persatuan dan individu. Sejak tahun 1977, BAKTI telah menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa malapetaka dalam negara, kepada balu-balu keluarga mangsa-mangsa kecemasan, kepada Persatuan-persatuan atau Badan-badan Sukarela yang perlukan bantuan dan sebahagian individu yang kurang bernasib baik.

Sejumlah \$95,925/- telah dikeluarkan dari Tabung Kebajikan dan pada hari ini 5 penerima akan menerima bantuan. Saya berharap Persatuan-persatuan dan individu yang menerima bantuan ini akan berjaya dengan bantuan kecil BAKTI ini.

9. Saya ingin sebutkan bahawa tahun ini adalah kali yang ke 5, BAKTI menyumbangkan \$10,000/- kepada Tabung Pahlawan sempena dengan rayuan Hari Pahlawan. Bersama-sama dengan kita juga ialah; a) Presiden, NCWO; b) Presiden, Persatuan Perpustakaan Malaysia; c) Pengarah, Yayasan Ashley Zecla; d) Adik Soon Mun Heng yang memerlukan kaki palsu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Mungkin ada pertanyaan darimana BAKTI mendapat wang untuk program kebajikannya. BAKTI tiada punca pencarian selain daripada berusaha mengadakan Projek Amal setiap tahun di mana sebahagian besar adalah untuk bantuan khas tahun itu dan sebahagian kecilnya pula untuk Tabung Kebajikan.

11. Pada tahun ini BAKTI akan mengadakan Malam Amal dan Pertunjukan Fesyen pada 4hb. September, 1982 di bawah anjuran YAB Datin Maria, Naib YDP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Projek itu. Sempena dengan Tahun Antarabangsa bagi Orang-orang Tua, sebahagian besar dari hasil

kutipan itu akan disumbangkan kepada institusi-institusi bagi orang-orang tua seluruh Malaysia atau kepada rancangan-rancangan yang berkaitan dengan kebajikan orang-orang tua.

12. Saya berdoa semoga dengan kerjasama orang ramai usaha-usaha BAKTI tahun ini akan berjaya demi kepentingan masyarakat yang memerlukan bantuan. Saya berdoa juga semoga Allah subhanahu wataala merestui kewajipan kita ini supaya mereka yang memerlukan dapat hidup selesa dan sempurna.

Sekian sahaja, Terima kasih.

Wassalamu alaikum.